

CNS4329

U GB 16-04 00170 BA436

bah

PM MAHU RAKYAT MALAYSIA DI LUAR NEGARA BEKERJA DI NEGARA SENDIRI

Mahathir - Pekerja

MELAKA, 16 April (Bernama) -- Rakyat Malaysia yang sekarang bekerja di luar negara perlu pulang dan bekerja di negara sendiri kerana upah yang diterima di negara ini mencukupi untuk kehidupan mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, sara hidup di Malaysia adalah jauh lebih rendah walaupun upah mereka rendah berbanding dengan kadar di negara asing.

Kerana itu daripada segi kuasa membeli ia masih lebih baik, katanya semasa berucap merasmikan kilang tekstil Hualon Corporation (M) Sdn Bhd di Tangga Batu di sini.

Beliau berkata, rakyat tidak boleh mendesak kerajaan supaya jangan membenarkan pekerja asing masuk ke negara ini jika rakyat sendiri tidak menghargai kawalan kerja oleh kerajaan, dan sebaliknya pergi bekerja di negara lain.

+Amatlah memalukan jika kita menyeludup diri ke negara lain untuk mencari pekerjaan di mana layanan kepada kita tidak lebih daripada penjenayah,+ katanya. -- Lagi.

▼16/04/12-27MST

CNS4334

U GB 16-04 00177 BA437

bah

Mahathir - Pekerja 2 Melaka

+Sementara kita berusaha melatih pekerja-pekerja teknologi tinggi, saya ingin menyeru pekerja-pekerja Malaysia yang sekarang bekerja di luar negeri supaya balik bekerja di sini,+ katanya.

Ketika menjelaskan perkara itu kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri berkata, kerajaan cuma memujuk sahaja.

+Mereka yang hendak duduk di luar negeri duduklah tetapi di Malaysia pun kita boleh dapat gaji yang baik dan lebih daripada itu di Malaysia sara hidup adalah rendah,+ katanya.

Beliau menyatakan jika rakyat negara ini yang bekerja di Jepun menerima gaji 10 kali ganda lebih daripada yang diterima di negara ini, ia tidak membawa apa-apa makna kerana, sebagai contoh, katanya, harga sebiji tembikai di negara itu \$250.

+Gaji kita di sini rendah tetapi belanja kita pun rendah juga. Jadi apa kita hendak pergi negeri orang... lari sana, lari sini, kena tangkap... dilayan seperti penjenayah sahaja,+ katanya sebagai merujuk kepada laporan bahawa semakin banyak rakyat Malaysia yang bekerja di Jepun ditahan kerana bekerja tanpa permit dan terlibat dengan jenayah. -- Lagi.

▼16/04/12-32MST

CNS4374

U GB 16-04 00136 BA445

bah

Mahathir, - Pekerja 3 Melaka

Oleh itu katanya, adalah lebih baik tinggal dan bekerja di negara sendiri kerana terdapat banyak peluang pekerjaan sekarang, dan bagi mereka yang mempunyai kebolehan akan mendapat upah yang lebih baik.

Apabila ditanya mengenai bilangan pekerja Malaysia yang bekerja di luar negara, Dr Mahathir berkata; +ramai juga... ada di Jepun, Taiwan.+

Perdana Menteri dalam ucapannya juga berkata, Malaysia menghadapi masalah kekurangan pekerja untuk menampung keperluan tenaga kerja meskipun berjaya menarik pelaburan pesat dalam industri perkilangan.

Katanya, oleh itu strategi perindustrian adalah menumpukan kepada industri modal besar yang menggunakan teknologi tinggi, yang kurang menggunakan tenaga manusia.

Beliau berkata untuk menjayakan industri modal yang menggunakan teknologi tinggi itu, negara memerlukan pekerja yang berpelajaran serta mempunyai kemampuan teknikal yang tinggi. -- Lagi.

▼16/04/13-19MST

CNS4376

U GB 16-04 00143 BA446

bah

Mahathir - Pekerja 4 Melaka

Katanya, ini bermakna pekerja Malaysia mesti sanggup bersabar sementara mendapat latihan yang sesuai dan jika mereka tidak sanggup mengikuti kursus-kursus latihan, industri yang menggunakan tenaga pekerja yang banyak terpaksa terus didirikan.

+Untuk menampung keperluan ini kita mungkin terpaksa mengimport pekerja-pekerja asing,+ katanya.

Dr Mahathir juga berkata, beliau berharap pelaburan asing akan terus meningkat supaya usaha untuk menjadikan Malaysia negara maju tidak terjejas.

Katanya, jumlah pelaburan yang diluluskan di sektor perkilangan meningkat dengan begitu pesat dan pelaburan modal asing meningkat sekali ganda tiap-tiap tahun, daripada \$2,060 juta pada 1987 kepada \$4,878 juta (1988), \$8,653 juta (1989) dan kepada hampir \$16,000 juta (1991).

Katanya, antara punca Malaysia dapat memesatkan pembangunan industri ialah rangkaian infrastrukturnya yang baik, kestabilan politik dan dasar kerajaan yang fleksibel dan konsisten. -- Lagi.

▼16/04/13-21MST

R GB 16-04 00183 BA449

Bah

Mahathir - Pekerja 5 Melaka

Beliau juga berkata, kerajaan Persekutuan menyokong usaha kerajaan Negeri Melaka untuk menjadikan Melaka sebuah negeri perindustrian menjelang tahun 2005.

Melalui kilang tekstil itu, Syarikat Hualon Corporation (M) Sdn Bhd melabur sebanyak \$300 juta. Kilang itu memulakan operasinya pada November tahun lepas.

Dr Mahathir berkata beliau berasa bangga kerana syarikat itu akan menubuhkan satu lagi kilang di Nilai, Negeri Sembilan dengan jumlah pelaburan dikedua-dua kilang itu melebihi \$1,000 juta.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik pula berkata, kerajaan negeri telah mendirikan kilang-kilang di kawasan-kawasan yang meliputi 520 hektar dan seluas 1,700 hektar lagi akan dimajukan untuk mendirikan kilang dalam usaha menjadikan Melaka negeri perindustrian.

Pada majlis itu, Pengerusi syarikat itu Encik Oung Yu Ming menyampaikan cek bernilai \$500,000 kepada isteri Perdana Menteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali untuk Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), dan cek bernilai \$50,000 kepada isteri Ketua Menteri, Puan Sri Zabedah Abdullah untuk Badan Kebajikan Isteri Wakil-wakil Rakyat (Bistari). -- Lagi.

▼16/04/13-42MST

U GB 16-04 00187 BA454

bah

Mahathir - Pekerja 6 (akhir) Melaka

Sebelum itu, Perdana Menteri melawat tapak pembinaan jeti dan loji penapisan minyak Petronas di Tangga Batu dan mendengar taklimat mengenainya.

Taklimat di atas kapal korek +Prins Der Netherlanden+ itu disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Penapisan (Melaka) Sdn Bhd, Encik Abdul Rahim Haji Hashim dan Pengarah Projek Seadresco Dredging Company Encik F.C.Strckel.

Jeti yang sedang dalam pembinaan itu berharga kira-kira \$595 juta (AS\$223 juta) dan apabila siap dalam tempoh 26 bulan dari sekarang, akan berupaya mengendalikan pemungghahan minyak mentah untuk diproses dan bahan petroleum untuk dieksport dari kapal bermuatan 2,000 hingga 120,000 tan.

Ia dibina oleh konsortium yang terdiri daripada Hyundai Engineering and Construction Co Ltd, Jurutera Konsultant (SEA) Sdn Bhd, YM Industries Sdn Bhd dan Ho Hup Construction Sdn Bhd.

Loji yang berharga kira-kira \$1,746 juta (AS\$654 juta) itu pula didirikan oleh konsortium yang terdiri daripada JGC Corporation Japan, Sime Engineering (M) Sdn Bhd, JGC (M) Sdn Bhd dan C Itoh.

Perdana Menteri juga menandatangani pelan pembinaan jeti dan loji itu sempena lawatannya itu. -- Bernama.

▼16/04/13-57MST